

30/10/1998

Peserta ekuin sedia pikul tugas di Dubai

Mohd Ali Majid

LIMA peserta ekuin negara sudah bersedia untuk mengharungi cabaran sengit dalam Kejohanan Endurance Sedunia CH.M.E di Dubai pada 10 Disember ini.

Mereka ialah Datuk Kamaruddin Abd Ghani, Dr Nik Ishak Wan Abdullah, Zulkefli Sudin, Mohd Sharaf Ibrahim dan Azhar.

Presiden Persatuan Equestrian Malaysia (EAM), Tan Sri Musa Hitam, berkata dipilih setelah melepasi ujian kelayakan yang dikendalikan oleh Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI) di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang pada 2 Oktober lalu.

Dalam ujian kelayakan menunggang kuda sejauh 120 kilometer dalam masa tidak lebih 18 jam itu seramai 10 peserta mengambil bahagian dan mereka berjaya melakukan dalam masa kurang dari 16 jam.

"Ini julung kali Malaysia turut serta dalam sukan ini yang mula dipertandingkan di peringkat dunia pada 1986 dan baru diperkenalkan di Malaysia tahun ini," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Katanya, Malaysia terpilih memandangkan kepada kegiatan sukan equestrian yang sedang berkembang pesat dan minat mendalam yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

"Kami bangga kerana dijemput dan penunggang kita berjaya dalam ujian kelayakan kejohanan ini yang turut disertai oleh penunggang dari 41 buah negara seluruh dunia," katanya.

Katanya, banyak negara di dunia turut dijemput termasuk negara-negara di Asia Tenggara seperti Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia tetapi penunggang mereka tidak mencapai kelayakan itu.

"Diharapkan peserta negara mampu bersaing di samping menimba seberapa banyak pengalaman untuk bersaing terus dalam kejohanan ini akan datang," katanya di majlis penyampaian sijil kelayakan kepada lima penunggang berkenaan.

Sementara itu Majlis EAM sudah menghantar rayuan kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM) agar dipertimbangkan penyertaan empat penunggang dalam bahagian eventing.

Dalam kategori eventing ia membabitkan tiga disiplin iaitu, road & track, stepplechase dan cross-country.

Sebelum ini MOM menolak pencalonan itu berdasarkan kurang penyertaan dan pendedahan bertanding di peringkat antarabangsa dan hanya meluluskan tujuh peserta untuk acara show jumping dan dressage.

Menurut Musa, penunggang yang dicalonkan bukan sahaja mendapat pendedahan malah turut menjalani latihan di dalam dan diluar negara.

(END)